

→ SOAL JAWAB

81 inisiatif manfaat rakyat Melaka

Kejutan Pakatan Harapan (PH) Melaka mendapat 15 daripada 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), memberi era baharu kepada pentadbiran negeri diterajui Ketua Menteri, Adly Zahari. Hampir tiga minggu selepas mengangkat sumpah jawatan Ketua Menteri Melaka Ke-11, Adly berkongsi mengenai hala tuju bagi menjayakan 'Tawaran 20 Janji PH Untuk Lima Tahun,' selain mengangkat tema 'Melaka Berwibawa' di sebalik slogan 'Pintar, Hijau, Bersih.' Ikuti wawancara eksklusif wartawan NSTP Melaka, **BADRUL HIZAR AB JABAR dan FAIRUZ ZAIDAN bersama ADLY** di pejabat Ketua Menteri, di Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

Soalan (S): Bagaimana Yang Berhormat (YB) menyimpulkan situasi semasa dari pandangan sebagai Ketua Menteri Melaka?

Jawapan (J): Saya melihat kedudukan sebenar kerajaan negeri dari segi pengurusan dan kewangan. Kini saya pada fasa kedua mengunjungi setiap agensi kerajaan negeri secara berperingkat, untuk menilai matlamat supaya selari dengan aspirasi PH. Dari segi dasar, kita mengarahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) menurunkan harga sewaan tapak bazar Ramadan dengan RM84,000 dikurangkan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan RM300,000 di Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) melalui bazar di Klebang.

Kerajaan negeri juga membuka kembali biasiswa anak Melaka bagi pengajian di Asia Barat, yang mana untuk tempoh jangka panjang, kita mahu kursus yang ditawarkan lebih memberi impak kepada negeri pada masa depan.

Kita turut menimbangkan cadangan menghantar empat pelajar menyertai pertandingan wushu peringkat antarabangsa di Brazil, selain membentuk jawatankuasa kecekapan bagi kewibawaan dan keberterangjawaban Melaka. Ini mengambil kira penjimatan seperti diputuskan bagi peruntukan sambutan Aidilfitri kerajaan negeri yang hanya membabitkan RM1.6 juta.

S: Apa fokus utama YB dalam memenuhi sasaran Manifesto PH Melaka?

J: Kita menyediakan struktur 'Tawaran 20 Janji Untuk Lima Tahun.' Dalam 20 janji itu, kita menawarkan 81 inisiatif demi manfaat rakyat Melaka. Dalam mesyuarat EXCO lalu, kita menyusun portfolio berpandukan janji yang mungkin boleh dilaksanakan dalam 100 hari, tahun pertama dan seterusnya. Antara janji ini, termasuk menyediakan Rumah Berkat bagi pasangan muda baru berkahwin yang memenuhi syarat.

Kita mempunyai pilihan menggunakan aset kerajaan sedia ada, termasuk mengambil alih rumah program perumahan rakyat (PPR) atau membangunkan perumahan di tanah kerajaan. Program ini didasarkan kepada pasangan muda untuk menyewa pada kadar yang murah selama kira-kira tiga tahun. Kita percaya dalam tempoh itu, mereka sudah mempunyai pendapatan lebih stabil.

S: YB memegang portfolio

Kewangan, Tanah, Perancangan Ekonomi dan Hal Ehwal Agama. Mungkin ada petunjuk prestasi utama (KPI) disasarkan di sebalik portfolio itu?

J: Berhubung portfolio tanah, perkara utama ingin saya putuskan dalam mesyuarat EXCO adalah menukar status pajakan 99 tahun bagi kediaman milik Melayu dan Bumiputera kepada status pegangan selamanya untuk tanah adat Melaka (MCL). Bagi tanah kampung baharu atau pajakan 99 tahun, mereka boleh memperbaharui tempoh pajakan itu yang kita percaya memberi dua impak, iaitu meningkatkan harga tanah dan memberi hasil kepada kerajaan melalui premium cukai tanah itu.

Bagi pelabuhan pula, sebelum ini Melaka bercadang memiliki sembilan pelabuhan tetapi tidak sesuai dengan kedudukan negeri kecil ini, sebaliknya memadai tiga pelabuhan iaitu di Pelabuhan Linggi, Pelabuhan Tanjung Bruas dan Marina di Melaka Gateway.

Dari aspek agama, saya sudah mengadakan perbincangan dengan Majlis Agama Islam Melaka (MAM) supaya pemilihan pentadbiran pengurusan baharu masjid dilakukan lebih demokrasi yang mana pemilihan jawatankuasa ditentukan oleh kariah, bukan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) atau struktur politik.

S: Sebaik menjadi Ketua Menteri, YB membuka pintu kediaman rasmi Seri Bendahara untuk dilawati rakyat selama sebulan. Mengapa?

J: Ia permintaan orang ramai sendiri, selain idea cetusan EXCO Kesihatan, Low Chee Leong. Saya membuka Seri Bendahara untuk dilawati rakyat sehingga 14 Jun ini. Saya tiada hasrat lain walaupun sesetengah pihak mengkritik seolah cuba menyerang rakan politik lain, itu bukan matlamatnya.

Bagi saya membazir jika tidak menggunakan bangunan sedia ada, tetapi memanfaatkan untuk tujuan lain seperti menjadikannya sebagai rumah tamu atau dibuka untuk rakyat. Baik saya gunakan untuk meraikan tetamu. Seri Bendahara digunakan untuk bertemu rakyat atau tetamu, manakala saya memilih untuk menetap di rumah kerajaan di Peringgit.

S: Apa pendirian kerajaan



Kita menyusun portfolio berpandukan janji yang mungkin boleh dilaksanakan dalam 100 hari, tahun pertama dan seterusnya"

Adly Zahari,
Ketua Menteri
Melaka

berhubung status projek dibuat kerajaan terdahulu, termasuk Melaka Gateway, kerjasama dengan Wilayah Guangdong, China, projek lebuh raya pesisir pantai dan projek penambahan laut?

J: Kita tiada halangan untuk meneruskannya, malah semua perancangan siap mengikut jadual dengan dasar sedia ada. Kita lihat berlaku kekangan untuk Melaka Gateway mencapai sasaran ditetapkan. Kita perlu mencari jalan antara Melaka Gateway dan kerajaan negeri kerana tanah sudah diberi, tambahan sudah dibenar dan geran sudah dikeluarkan. Ketiadaan kita sama, iaitu tanah status kekal tidak diberi kepada syarikat asing.

S: Apakah teras utama fokus Bajet akan datang?

J: Pastinya kita mahu cuba meringankan beban kehidupan rakyat. Kita juga akan memfokuskan kepada 28,000 penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan MAM. Kita akan membuat penilaian supaya dapat mengeluarkan 28,000 penerima bantuan ini daripada garis kemiskinan melalui inisiatif program jangka panjang.

Kita turut membuat perubahan dari aspek birokrasi pentadbiran seperti sudah menukar dasar permohonan bantuan kebajikan yang boleh dibuat terus ke JKJ tanpa perlu melalui JKJK atau wakil rakyat.

Kita melihat kembali usaha meningkatkan pendapatan kerajaan untuk memastikan setiap projek pelaburan di negeri ini memberi keuntungan kedua-dua pihak. Kita mahu projek secara usaha sama (JV) yang mana keuntungan dinikmati bersama seperti yang projek tenaga solar di kawasan empangan air di negeri ini.

S: Hari Bersama Rakyat diperkenalkan setiap Jumaat. Apa misi utamanya?

J: Kita mendengar suara rakyat dan apa sahaja buah fikiran serta keluhannya. Selepas ini,

kita akan membuka pintu yang sama untuk diperluaskan pada peringkat Kompleks Jawatankuasa dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERDN) dan agensi kerajaan.

Melalui bantuan rakan dalam PH, menjadi KPI kita untuk permasalahan rakyat ini dikurangkan pada masa depan. Sekiranya ia berkurang bermakna kita berjaya, sebaliknya jika semakin ramai yang datang bermakna masih banyak tidak dapat diselesaikan.

S: Kesesakan lalu lintas di Melaka amat teruk, terutama pada setiap hujung minggu dan cuti umum. Apakah ada sasaran mengatasi masalah ini termasuk memperkasa pengangkutan awam negeri?

J: Saya ambil contoh masalah pengangkutan awam, iaitu bas Panorama. Ketika mula memasuki pejabat Ketua Menteri, hanya empat bas beroperasi. Kita adakan perbincangan lanjut dengan syarikat Scomi dan kini 33 bas beroperasi. KPI kita adalah mempunyai 40 bas bagi mengatasi masalah pengangkutan.

Bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, kerja pembinaan jeambat di Ayer Keroh dan Peringgit sudah dimulakan dan mahu diteruskan di lokasi strategik lain. Kita akan melihat jalur jalan raya secara keseluruhan dan bagaimana kita mahu mengalirkan kenderaan untuk tidak berpusat di suatu kawasan.

Pada masa depan, kita mengenal pasti apakah pengangkutan seperti tram mampu menyelesaikan masalah lalu lintas. Kita dapat monorel tidak sesuai kerana membabitkan kos tinggi, tetapi tram boleh menggunakan jalan raya sedia ada, sekali gus sebagai prospek terbaik menyelesaikan masalah lalu lintas.

Kita akan membuat kajian dan melihat jalan raya kita sesuai untuk projek tram itu sendiri termasuk peruntukan sesuai daripada Kerajaan Pusat, sekali gus merealisasikan projek tram di Melaka.